

Kastam Kelantan gagalkan cubaan seludup mercun

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan penyeludupan mercun dan bunga api bernilai RM93,880 dalam operasi pada Ahad lalu.

Pemangku Pengarahnya, Mohd Nasir Yusoff, berkata pihaknya menahan sebuah lori yang membawa muatan 78 kotak mercun dan bunga api pelbagai saiz seberat 4,694 kilogram dengan nilai cukai lebih RM61,000 di Kampung Guntung Dalam, Setiu, Terengganu.

Katanya, pihaknya juga turut menahan pemandu lori warga tempatan berusia 41 tahun yang dipercayai membawa bahan larangan dari negara jiran.

“Sebelum itu, kami mengejar suspek sejauh dua kilometer dan menangkapnya serta merampas bunga api dan mercun dipercayai untuk pasaran Kuala Lumpur pada musim perayaan Tahun Baharu Cina Februari ini,” katanya dalam sidang media di Wisma Kastam Padang Bongor, di sini, semalam.

Yang turut hadir sama, Ketua Kastam Daerah Rantau Panjang, Zaitom Abdul Rahaman dan Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Rohani Omar.

Mohd Nasir berkata, operasi berkenaan dijalankan Pasukan Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang hasil rondaan dan risikan JKDM negeri.